

Angka Giliran: _____

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

JKA 316 – Budaya dan Epidemiologi Penyakit

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA PULUH LIMA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab soalan mengikut arahan dalam setiap bahagian.

Semua jawapan hendaklah dijawab di dalam kertas soalan ini.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Serahkan keseluruhan kertas soalan peperiksaan ini bersama jawapan tanpa menceraikan mana-mana bahagian.

BAHAGIAN A (50 markah)**SOALAN 1**

Jawab semua soalan. Bulatkan jawapan yang tepat dalam kertas soalan ini.

1. Menurut _____, terdapat 161 definisi mengenai budaya.
 - A. Edward Tylor
 - B. Kroeber dan Kluckhohn
 - C. Black Reportly
 - D. Colson dan Selby
 - E. Fabrega

2. Budaya merupakan _____ yang diwarisi melalui proses sosialisasi.
 - A. Adat resam
 - B. Norma
 - C. Garis panduan
 - D. Himpunan pedoman
 - E. Himpunan kepercayaan

3. Dalam kehidupan manusia sikap terhadap keuzuran, sakit dan sihat dipengaruhi oleh _____.
 - A. Budaya
 - B. Ideologi
 - C. Psikologi
 - D. Kepercayaan
 - E. Pemakanan

4. Ahli-ahli Antropologi Perubatan juga diberi nama jolokan yang lain, mereka dikenali sebagai _____.
 - A. *Metamedical anthropologists*
 - B. *Medical anthropologists*
 - C. Etnoperubatan
 - D. Antropologi budaya dan kesihatan
 - E. Ahli-ahli epidemiologi

5. Aspek-aspek biologi, sosial dan budaya merupakan tiga aspek utama menjadi tumpuan ahli-ahli antropologi perubatan. Di bawah aspek biologi, antara mekanisme-mekanisme yang menarik perhatian mereka ialah _____.
- i. Pertumbuhan dan perkembangan mental manusia
 - ii. Peranan penyakit dalam evolusi manusia
 - iii. Wabak penyakit
 - iv. Anatomi
 - v. *Psycho-sociocultural*
 - vi. Biokimia
 - vii. Paleopathologi
- A. i, ii dan iii
 - B. ii, iii dan v
 - C. ii dan vii
 - D. iii dan iv
 - E. v, vi dan vii
6. Variabel-varibel seperti: _____ dianggap penting dalam disiplin epidemiologi kerana variabel-varibel ini dapat menjelaskan tentang distribusi status kesihatan.
- i. Umur
 - ii. Jantina
 - iii. Ras
 - iv. Geografi
 - v. Pekerjaan
 - vi. Pendapatan
 - vii. Budaya
- A. i, ii dan vi
 - B. i, iii dan v
 - C. i, ii, iii, iv, vi dan vii
 - D. i, ii, iii, iv, v dan vi
 - E. Tiada jawapan di atas

7. Amerika Syarikat merupakan sebuah negara yang berada dalam cengkaman epidemik. Antara penyakit yang kerap mencengkam negara itu ialah _____.
- i. *Eaustromalaisei*
 - ii. Kanser pundi-pundi kencing
 - iii. *Trichomca*
 - iv. *Coronary atherosclerosis*
 - v. *Nasophryngeal Carcinoma*
 - vi. Kanser Paru-Paru
 - vii. *Gonorea*
- A. i, ii dan iii
 - B. iii, iv dan v
 - C. iv dan vii
 - D. iv dan vi
 - E. iv, vi dan vii
8. Pada hari ini epidemiologi merupakan satu bidang ilmu yang telah berkembang maju. Bidang ini juga mempunyai _____.
- i. Penyelidikan
 - ii. Latihan bagi ahli-ahli perubatan
 - iii. Pentadbiran hospital
 - iv. Geran penyelidikan
 - v. Birokrasi perubatan
 - vi. Jabatan-jabatan akademik
 - vii. Struktur organisasi tersendiri
- A. i, ii dan vii
 - B. i, v dan vii
 - C. i, iv dan vi
 - D. i, ii, iii dan iv
 - E. i, iv, v, vi dan vii

9. Sesuatu jenis penyakit boleh berlaku di kalangan masyarakat disebabkan beberapa faktor. Menurut ahli-ahli Epidemiologi antara faktor-faktornya termasuklah

-
- i. Biologi dan fizikal
 - ii. Biologi, ekologi dan sosio-budaya
 - iii. Sosial dan alam ghaib
 - iv. Ekonomi dan alam ghaib
 - v. Genetik dan sosio-budaya
 - vi. Sistem pemakanan dan kemiskinan
 - vii. Ideologi dan latar belakang budaya
- A. i, vi dan vii
 - B. ii sahaja
 - C. i, iii dan iv
 - D. i, iii dan v
 - E. Tiada jawapan di atas

10. Terdapat beberapa variabel yang digunakan oleh ahli-ahli epidemiologi untuk menerangkan punca terjadinya sesuatu jenis penyakit. Antaranya termasuklah

-
- i. Sosio-ekonomi
 - ii. Tingkah laku
 - iii. Model budaya
 - iv. Model ekologi
 - v. Persekutaran
 - vi. Perbezaan komuniti
 - vii. Agama
- A. i dan vii
 - B. i, ii, v dan vi
 - C. i, vi dan vii
 - D. ii, iv dan v
 - E. ii, iv, v, vi dan vii

11. Untuk mengetahui pola-pola kewujudan sesuatu jenis penyakit dalam sesebuah masyarakat, ahli-ahli epidemiologi memerlukan kajian-kajian berbentuk _____.
- A. Analisis
 - B. Ujikaji
 - C. Deskriptif
 - D. Saintifik
 - E. Pemerhatian
12. Dalam sistem sosial sesuatu masyarakat, sakit-demam merupakan satu konsep yang boleh didefinisikan kepada pelbagai sudut. Antaranya _____.
- i. Satu bentuk hukuman
 - ii. Melanggari pantang larang
 - iii. Satu tingkah laku abnormal
 - iv. Ketidakseimbangan sistem humorai dalam tubuh badan manusia
 - v. Satu pencapaian dalam sesuatu sistem sosial masyarakat
 - vi. Terkena sihir
 - vii. Terkena tulah
- A. i, ii dan iii
 - B. i, iii dan v
 - C. i, iv dan vi
 - D. i, iv, vi dan vii
 - E. iv sahaja
13. Penyakit _____ yang mempunyai simptom seperti: bengkak-bengkak di pipi, kaki, tangan dan sendi-sendi badan merupakan satu penyakit yang sering terjadi dalam masyarakat Ganda di Timur Afrika.
- A. Susto
 - B. Koro
 - C. Obuko
 - D. Ojibwa
 - E. Mali-Mali

14. Perkhidmatan kesihatan dikategorikan kepada dua bentuk, antaranya _____.
- i. Pencegahan
 - ii. Pemulihan
 - iii. Rawatan
 - iv. Saintifik
 - v. Folk
 - vi. Kosmopolitan
 - vii. Tradisional
- A. i dan iii
 - B. ii dan iii
 - C. iv dan vii
 - D. v dan vi
 - E. iv dan vii
15. "Kebanyakan kajian-kajian tentang perkhidmatan kesihatan tradisional adalah bercorak deskriptif dan hanya terbatas kepada faktor-faktor sosio-budaya, amalan dan kepercayaan tradisional, di samping faktor agama sebagai penggerak penggunaan dan kesinambungan perkhidmatan kesihatan tradisional". Kenyataan ini diutarakan oleh _____.
- A. Chee, Heng Leng (1983)
 - B. Hah, Fong Lian (1993)
 - C. Dunn, F L. (1974)
 - D. Hashim Awang (1990)
 - E. Foster, G M. (1978)
16. Sistem teori penyakit merupakan satu sistem yang membincangkan tentang _____.
- i. Etiologi
 - ii. Diagnosis
 - iii. Pantang larang dan pemakanan
 - iv. Gangguan keseimbangan
 - v. Teknik rawatan penyakit
 - vi. Prognosis
 - vii. Keadaan kesihatan

- A. i, ii dan vi
- B. i, iii dan vii
- C. i, iii dan vi
- D. i, iv dan v
- E. Semua di atas

17. Pada peringkat awal, perkara-perkara berkaitan sakit-demam dan kesihatan dibincangkan dalam bentuk _____.

- i. Agama
 - ii. Magis
 - iii. Kepercayaan
 - iv. Upacara amal
 - v. Pantang larang
 - vi. Kemali
 - vii. Hukuman
- A. i, v dan vii
 - B. i, iii dan vii
 - C. i, ii, iii dan iv
 - D. i, ii, vi dan vii
 - E. Semua di atas

18. Penyakit *Nasophryngeal Carcinoma* (Koro) banyak berlaku di kalangan orang _____.

- A. India
- B. Melayu
- C. Cina
- D. Iban
- E. Kadazan

19. Penyakit-penyakit seperti cacar, selsema dan penyakit kaki dan mulut berpunca daripada _____.

- A. Pembukaan tanah-tanah baru
- B. Perubahan sistem pengangkutan
- C. Kegiatan penternakan binatang
- D. Proses perbandaran dan perindustrian
- E. Tiada jawapan di atas

20. Secara umumuraian tentang fenomena sakit-demam dapat digolongkan kepada lima jenis model. Antaranya _____.
- i. Model budaya
 - ii. Model biologi
 - iii. Model fisiologi perubatan
 - iv. Model ekologi
 - v. Model anamisme
 - vi. Model keseimbangan
 - vii. Model sosial
- A. i, ii, v, vi dan vii
 - B. ii, iv, v, vi dan vii
 - C. i, iii, iv, vi dan vii
 - D. iii, iv, v, vi dan vii
 - E. ii, iii, iv, v dan vi
21. Kromosom terdiri daripada _____ dan satu pasang seks kromosom.
- A. 46 kromosom
 - B. 22 pasang autosom
 - C. 23 pasang kromosom
 - D. XY dan XX kromosom
 - E. 22 pasang autosom dan kromosom
22. Jika seseorang individu mempunyai Autosom berlebihan antara penyakit yang boleh dihadapinya ialah _____.
- A. *Down syndrome, sex syndrome* dan *turner syndrome*
 - B. Tangan melekat, telinga berbulu dan kecacatan fizikal
 - C. Mata sepet, kerdil dan kecacatan otak
 - D. *Genetic flow* dan *genetic drift*
 - E. Buta warna

23. _____ berpendapat perkhidmatan kesihatan mempunyai dua sifat iaitu berbentuk personal dan awam.
- A. Hah Foong Lian (1993)
 - B. Haliza Mohd Riji (1983)
 - C. Chen, Paul. C Y. (1975)
 - D. Fatan Hammamah Yahya (1990)
 - E. Chee, H L. (1990)
24. _____ berpendapat antara kaedah-kaedah digunakan untuk mencegah merebaknya penyakit berjangkit adalah seperti: penyediaan bekalan air minuman yang bersih, sistem pengutipan dan penglupusan sampah yang sempurna, sistem logi, sistem peperitan dan pembentungan dan sebagainya.
- A. McKeown
 - B. Rosenberg
 - C. Hughes, Kenneth
 - D. Chee, H. L.
 - E. Foster dan Anderson
25. Pendekatan _____ mempercayai kesihatan dan penyakit disebabkan manipulasi kuasa-kuasa ghaib.
- A. Sosiologikal
 - B. Personalistik
 - C. Ilmu mistik
 - D. Naturalistik
 - E. Humanistik
26. Pendekatan _____ menganggap penyakit adalah berpunca daripada ketidak seimbangan element-element humoral asas dalam tubuh badan manusia?.
- A. Human pathologi
 - B. Ekologikal
 - C. Naturalistik
 - D. Personalistik
 - E. Biologikal

27. Menurut kajian yang dijalankan oleh _____, beliau dapati dari segi penjagaan kesihatan penduduk di Malaysia, sistem perubatan tradisional juga memainkan peranan sama penting dengan sistem perubatan moden.
- A. Chen, Paul C Y
B. Fatan Hammamah Yahya
C. Haliza Mohd Riji
D. Chee, H. L.
E. Hah Foong Lian
28. Menurut _____ bidan kampung terdiri daripada kaum wanita dan bomoh lelaki akan dipanggil apabila Tok Bidan menghadapi kes-kes tertentu.
- A. Laderman
B. Rosenberg
C. Foster dan Anderson
D. Wazir Jahan Karim
E. McKeown
29. Istilah perubatan kosmopolitan mula digunakan oleh _____.
- A. Dunn, F
B. Blacker, C
C. John, M Last
D. Skeat, W. W.
E. McKeown, T.
30. Nosologi juga dikenali sebagai _____.
- A. Klasifikasi penyakit
B. Sistem rawatan penyakit
C. Penyakit berjangkit
D. Penyakit biasa.
E. Penyakit luar biasa

Bagi soalan 31 hingga 50 pilih A bagi pernyataan SALAH dan B bagi pernyataan yang BENAR

31. Sakit-demam amat dipengaruhi oleh latar belakang budaya sesuatu masyarakat.
A. SALAH B. BENAR

32. Berdasarkan laporan Black Reportly, kemiskinan merupakan punca utama seseorang individu berhadapan dengan masalah kesihatan.
A. SALAH B. BENAR

33. Ekologi perubatan merupakan satu bidang ilmu yang menggabungkan antara tiga disiplin iaitu antropologi perubatan, bioperubatan dan ekologi perubatan.
A. SALAH B. BENAR

34. Di bawah pendekatan antropologi perubatan, hal-hal berkaitan sakit-demam dibincangkan dalam konteks agama dan magis.
A. SALAH B. BENAR

35. Ahli-ahli antropologi perubatan berpendapat, kebudayaan adalah di antara faktor-faktor utama seseorang individu boleh terdedah kepada fenomena sakit-demam.
A. SALAH B. BENAR

36. Untuk menjalankan kajian mengenai fenomena sakit-demam, ahli-ahli antropologi perubatan telah menggabungkan antara pendekatan etnoperubatan dan bioperubatan.
A. SALAH B. BENAR

37. Penjelasan Hippocrates (460-377 s.m) mengenai dengan fenomena sakit-demam dianggap sebagai sesuatu yang ketinggalan zaman oleh ahli-ahli epidemiologi.
A. SALAH B. BENAR

38. Epidemiologi merupakan satu istilah yang berasal daripada perkataan Yunani.
A. SALAH B. BENAR

39. Epidemiologi merupakan satu bidang yang lebih menekankan kepada pola penyebaran sesuatu jenis penyakit dalam masyarakat.
A. SALAH B. BENAR

40. Untuk menentukan punca terjadinya sesuatu jenis penyakit, antara kaedah yang digunakan oleh ahli-ahli Epidemiologi adalah berbentuk siasatan dan ujukaji.
A. SALAH B. BENAR

41. Bakteri yang diwarisi daripada ibu-bapa melalui proses persenyawaan, jumlahnya akan berganda apabila sel-sel itu dibahagikan.
A. SALAH B. BENAR

42. Epidemik merupakan satu istilah yang hanya digunakan untuk menerangkan kejadian sesuatu jenis penyakit berjangkit.
A. SALAH B. BENAR

43. Berdasarkan pendekatan emik, sebelum seseorang itu diklasifikasikan sebagai sihat ataupun sakit, mereka terlebih dahulu haruslah mendapat pengiktirafan daripada pakar-pakar perubatan moden.
A. SALAH B. BENAR

44. Animistik merupakan satu teori yang menghuraikan fenomena sakit-demam yang berpunca daripada perlakuan manusia yang dengki, yang menggunakan ilmu sihir ke atas sasarannya.
A. SALAH B. BENAR

45. Navarro telah mengklasifikasikan perkhidmatan kesihatan di Malaysia kepada dua bentuk iaitu pencegahan dan penyembahan.
- A. SALAH B. BENAR
46. Roemer, Doyal dan Morgan merupakan ahli-ahli pemikir yang mengkaji tentang perkhidmatan kesihatan tradisional di negara-negara sedang membangun.
- A. SALAH B. BENAR
47. Dunn dan Hah berpendapat, kebanyakan daripada kajian-kajian yang dijalankan mengenai dengan perubatan tradisional hanyalah tertumpu kepada kebudayaan, kepercayaan dan amalan tradisi. Tetapi mereka tidak pula menitikberatkan tentang peranan dan galakan kerajaan dalam usahanya untuk meneruskan penggunaan perkhidmatan seumpama ini.
- A. SALAH B. BENAR
48. Mo (1984) berpendapat, penggunaan ilmu sihir dan kuasa-kuasa ghaib adalah di antara kaedah yang digunakan dalam sistem perubatan tradisional masyarakat Cina.
- A. SALAH B. BENAR
49. Gila kena hantu, gila talak, gila buatan orang, gila isin, gila babi, otak miring, tiga suku dan gila awal dan akhir bulan adalah di antara jenis-jenis gila yang dipercayai dalam masyarakat Melayu.
- A. SALAH B. BENAR
50. Histeria di kategorikan sebagai reaksi maladatif berpunca daripada tekanan psikologi.
- A. SALAH B. BENAR

BAHAGIAN B (20 markah)

SOALAN 2

Jawab kesemua soalan

- (a) Berikan definisi budaya oleh Tylor (1871).

- (b) Jelaskan bidang kajian epidemiologi penyakit.

- (c) Berikan definisi epidemik yang ditakrifkan oleh Benenson (1980).

Angka Giliran: _____

[JKA 316]

- 16 -

- (d) Nyatakan maksud sistem teori penyakit.

- (e) Jelaskan maksud konsep tulah.

BAHAGIAN C (30 markah)

SOALAN 3

Jawab kesemua **TIGA** soalan.

- (a) Dalam antropologi perubatan proses penyembuhan sesuatu jenis penyakit melibatkan empat proses utama. Huarikan bagaimakah setiap proses itu dilakukan dalam usaha untuk mengubati sesuatu jenis penyakit.

Angka Giliran: _____

[JKA 316]

- 18 -

Angka Giliran: _____

[JKA 316]

- 19 -

- (b) Sungai merupakan salah satu daripada sumber alam yang dianggap penting kepada manusia. Namun dengan terbinanya zone-zone perindustrian di negara kita, masalah pencemaran sungai semakin hangat dibincangkan kerana ia merupakan penyumbang utama kepada masalah kesihatan dan penyibaran pelbagai penyakit endemik dan epidemik. Bincangkan.

Angka Giliran: _____

[JKA 316]

- 21 -

Angka Giliran: _____

[JKA 316]

- 22 -

- (c) Dalam proses penyembuhan penyakit di kalangan masyarakat Melayu tradisional institusi perbomohan dianggap penting. Huraikan bagaimanakah upacara 'Main Puteri' dijalankan dalam usaha untuk mengubati sesuatu jenis penyakit.

Angka Giliran: _____

[JKA 316]

- 24 -

Angka Giliran: _____

[JKA 316]

- 25 -

-000Oooo-